

OUCH!

DALAM ISU INI...

- Menjamin Keselamatan Tablet Anda
- Memastikan Tablet Anda Selamat

Menjamin Keselamatan Table Baharu Anda

Gambaran Keseluruhan

Tahniah kerana telah memiliki tablet baharu! Ia merupakan teknologi terhebat dan sangat berkesan untuk berkomunikasi dengan orang lain, membeli secara dalam talian, menonton wayang, bermain permainan dan pelbagai aktiviti lain. Memandangkan tablet ini akan menjadi unsur yang penting dalam hidup anda, sehingga berkemungkinan menggantikan komputer anda, berikut adalah beberapa langkah utama yang perlu diambil untuk memastikan tablet berserta maklumat selamat dan terjamin.

Editor Jemputan

Lori Rosenberg mempunyai pengalaman yang luas dalam membangunkan bahan pendidikan dan latihan berasaskan keselamatan maklumat untuk majikan dan pelanggan. Beliau juga mempunyai minat yang mendalam dalam mencari metodologi yang baharu dan menarik dalam menyampaikan maklumat yang ingin dikongsi. Anda boleh mengikuti beliau di Twitter sebagai [@InfoSecLori](#).

Menjamin Keselamatan Tablet Anda

Anda mungkin terkejut apabila mendapati risiko terbesar bagi tablet anda bukanlah penggodam, tetapi adalah anda sendiri. Kemungkinan untuk anda sendiri menghilangkannya, terlupa, atau tablet dicuri adalah lebih tinggi berbanding seseorang menggodam tablet tersebut. Langkah pertama yang anda perlu lakukan untuk melindungi tablet anda adalah dengan mengaktifkan fungsi automatik pada kunci skrin tablet tersebut. Ini bermakna apabila anda ingin menggunakan tablet tersebut, anda perlu membuka kunci pada skrin tersebut terlebih dahulu dengan kata laluan yang kuat, gerakan menggesek, atau imbasan cap jari. Langkah ini memastikan sekiranya tablet tersebut hilang atau dicuri, tiada siapa yang boleh mengakses tablet tersebut sekaligus melindungi maklumat peribadi anda, aplikasi mudah alih, dan apa sahaja yang berada di dalam tablet tersebut. Setelah menetapkan fungsi kunci automatik pada skrin tersebut, berikut adalah langkah-langkah tambahan untuk membantu melindungi tablet baharu anda:-

1. Pasang atau membenarkan perisian penjejak lokasi untuk menjejak lokasi tablet anda menerusi internet. Melalui langkah ini, sekiranya tablet anda hilang atau dicuri, anda boleh berhubung terus dan menjejak lokasi tablet tersebut menerusi Internet. Dalam senario paling buruk sekalipun, anda boleh mengambil langkah menghapuskan segala maklumat yang terdapat di dalam tablet tersebut.
2. Kemas kini peranti anda dan aktifkan fungsi automatik kemas kini agar tablet anda sentiasa menggunakan sistem operasi terkini. Penjahat sentiasa mencari kelemahan dalam perisian, dan pembekal akan sentiasa mengeluarkan kemas kini terbaharu dan tampalan untuk membetulkannya. Dengan menggunakan sistem operasi terkini dan versi aplikasi mudah alih terbaharu, adalah lebih sukar untuk sesiapa menggodam tablet anda.

Menjamin Keselamatan Table Baharu Anda

3. Berikan perhatian penuh ketika membuat tetapan tablet anda buat kali pertama lebih-lebih lagi pada pilihan privasi. Salah satu isu privasi terbesar dengan tablet anda adalah keupayaan pihak lain untuk menjejaki dan mengetahui lokasi anda. Kami mencadangkan supaya anda mematikan fungsi penjejakan lokasi untuk semua aplikasi dan kemudiannya hanya mengaktifkan penjejakan lokasi untuk aplikasi yang anda rasa perlu sahaja. Untuk sesetengah aplikasi, ia adalah perlu bagi aplikasi tersebut untuk menjejaki lokasi anda. Contohnya seperti perisian peta atau mencari lokasi restoran tempatan. Walaubagaimanapun, hampir kesemua aplikasi tersebut tidak memerlukan maklumat lokasi anda secara masa nyata.
4. Kebanyakan tablet dan aplikasi mudah alih menyimpan maklumat anda di dalam storan awan. Pastikan anda faham di mana lokasi data anda dan bagaimana ia dilindungi. Contohnya, perkara terakhir yang anda mahu adalah gambar peribadi anda tersebar di internet dan boleh dilihat oleh sesiapa sahaja, lengkap dengan maklumat lokasi penentududukan tertanam, tanpa pengetahuan anda. Secara amnya, matikan apa sahaja fungsi berkongsi maklumat pada awan dan anda hanya membenarkan maklumat tertentu apabila perlu sahaja.
5. Tablet kerap menyelaraskan aplikasi anda kepada peranti lain seperti telefon pintar dan komputer riba. Penyelarasan peranti merupakan ciri yang hebat tetapi berhati-hati dalam membuat tetapan aplikasi atau fungsi yang dibenar untuk diselaraskan. Sekiranya anda ada mengaktifkan fungsi penyelarasan tersebut, jangan terkejut jika laman yang anda lawati dan tab yang anda hasilkan di pelayar tablet dipaparkan pada pelayar di tempat kerja anda.



Langkah terbaik untuk melindungi table anda adalah dengan mengaktifkan kunci pada skrin, mengkaji semula tetapan privasi dan memastikan tablet anda sentiasa dikemaskini.

Memastikan Tablet Anda Selamat

Setelah memastikan tablet anda selamat, ia perlu dikekalkan seperti itu. Berikut adalah langkah-langkah utama untuk memastikan tablet anda dilindungi untuk jangka panjang.

- Jangan “jailbreak” atau godam tablet anda. Ini akan memintas dan mengakibatkan kebanyakan tetapan kawalan keselamatan tidak berguna dan menjadikannya lebih terdedah dan rentan kepada serangan.
- Hanya muat turun aplikasi yang anda perlukan daripada sumber yang dipercayai. Untuk peranti iPad, hanya muat turun aplikasi daripada iTunes. Aplikasi ini disaring oleh Apple sebelum dipasarkan. Bagi tablet Google, kami mencadangkan supaya anda hanya memuat turun aplikasi daripada Google Play dan bagi tablet Amazon pula, kami mencadangkan agar anda hanya memuat turun aplikasi daripada Amazon App Store. Walaupun anda boleh memuat turun aplikasi daripada laman lain, ia selalunya tidak disaring dan berkemungkinan telah dijangkiti

Menjamin Keselamatan Table Baharu Anda

dengan perisian jahat. Akhir sekali, tidak kira dari mana anda mendapatkan aplikasi tersebut, apabila anda tidak lagi menggunakan atau jarang menggunakannya, kami mencadangkan supaya aplikasi tersebut dipadam daripada tablet anda.

- Apabila anda memasang aplikasi baharu, pastikan anda telah semak dan membuat tetapan privasi seperti mana ketika anda membuat tetapan semasa kali pertama tablet anda. Berhati-hati dengan akses maklumat yang anda tetapkan bagi aplikasi tersebut. Sebagai contoh, adakah aplikasi yang anda muat turun memerlukan akses ke atas kenalan dan maklumat perhubungan anda? Sekiranya anda tidak berasa selesa dengan keperluan kebenaran maklumat yang dinyatakan sesuatu aplikasi, carilah aplikasi lain yang boleh memenuhi keperluan anda. Sebagai tambahan, selalu memeriksa kebenaran yang telah diberikan agar ia kekal dan tidak berubah.

Tablet anda adalah peranti yang hebat dan kami inginkan anda berseronok dan menggunakannya. Ingatlah bahawa hanya beberapa langkah mudah untuk memastikan anda dan tablet anda dilindungi.

Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, akseslah arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di <http://www.securingthehuman.org>.

Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snc.skmm.gov.my/>.

Sumber

Menggunakan Aplikasi Mudah Alih Dengan Selamat: <https://www.securingthehuman.org/ouch/2015#january2015>

Ungkapan Laluan: <https://www.securingthehuman.org/ouch/2015#april2015>

Menggunakan Awan Dengan Selamat: <https://www.securingthehuman.org/ouch/2014#september2014>

Menghapuskan Peranti Mudah Alih Anda: <https://www.securingthehuman.org/ouch/2014#june2014>

SANS: Tip Keselamatan Hari Ini: https://www.sans.org/tip_of_the_day.php

OUCH! diterbitkan oleh program SANS "Securing The Human" dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Bill Wyman, Walt Scrivens, Phil Hoffman, Bob Rudis
Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie



[securingthehuman.org/blog](https://www.securingthehuman.org/blog)



[/securethehuman](https://www.facebook.com/securethehuman)



[@securethehuman](https://twitter.com/securethehuman)



[securingthehuman.org/gplus](https://www.securingthehuman.org/gplus)